



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Prinsip Penetapan Matlamat.”

Tarikh : 13 Oktober 2021

Pengacara Majlis : Encik Muhammad Ridzuan bin Norazlan

Bacaan Doa : Encik Nor Hafiz bin Sapari

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Tuan Haji Armadi bin Ahmad, Pegawai Belia dan Sukan, telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Prinsip Penetapan Matlamat.”

Ringkasannya adalah prinsip penetapan matlamat boleh dicapai dengan mengamalkan 5 prinsip. Ia hendaklah jelas serta perlu diukur, melakukan tindakan tersebut, akan menjadi kenyataan, memerlukan tempoh masa dan ianya adalah terletak pada kekuatan diri sendiri.

Ia boleh dibahagikan kepada 5 kategori (kerjaya, impian, kewangan, keluarga dan peribadi) pada 3 peringkat hidup. Contohnya, pada kategori impian, peringkat awal bekerja kita melakukan tabungan untuk membuat lawatan ke luar negara. Peringkat kedua capaian tabungan dalam tempoh 5 tahun, kita pasti akan dapat menikmati impian, kita berjaya melawat dua buah negara. Peringkat ketiga capaian prestasi seumur hidup, kita pasti banyak negara luar yang telah kita lawati.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

